



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

**PANDUAN PENGISYTIHARAN DAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT SOKONGAN
BAGI PERMOHONAN SURAT SOKONGAN PAS PENGAJIAN MELALUI XPATS
GATEWAY**

A. Menu “Application”, maklumat/ butiran pemohon

Jadual 1: Maklumat yang perlu dilengkapkan di bahagian “Application”

Bil.	Perkara	Keterangan maklumat/ penjelasan
1	<i>Personal details</i>	Sila lengkapkan maklumat dengan jelas dan tepat.
2	<i>Passport details</i>	Sila lengkapkan maklumat dengan jelas dan tepat. Sila rujuk <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023).
3	<i>Qualification details</i>	<p>Sila lengkapkan maklumat dengan jelas dan tepat. Sila rujuk <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023) berkenaan panduan umum mengenai kategori pas pekerjaan, kelayakan dan maklumat yang diperlukan.</p> <p>Sila rujuk Jadual 2 di bawah sebagai panduan mengenai kategori pas pekerjaan, kelayakan dan senarai dokumen atau maklumat yang diperlukan bagi semakan agensi kawal selia.</p> <p>Bagi pemohon/ ekspatriat yang mempunyai <i>Professional Certificate</i>, sila lengkapkan maklumat di bawah, serta memuat naik dokumen berkenaan –</p> <ul style="list-style-type: none">(a) <i>Professional body/ organization</i>(b) <i>Certification</i>(c) <i>Year obtain certification.</i> <p>Rujuk Jadual 2 untuk maklumat lanjut.</p>
4	<i>Employment details</i>	Sila lengkapkan maklumat dengan jelas dan tepat.
5	<i>Previous pass details</i>	

Jadual 2: Kelayakan bagi jawatan-jawatan berkaitan di bawah Sektor Perlombongan, Pengkuarian dan Pemrosesan Mineral

Bil.	Kategori Pas Pekerjaan	Keterangan
1	Kategori I (Ekspatriat) (Gaji asas minima RM 10,000 dan kontrak penggajian hingga 5 tahun)	Jawatan yang dibenarkan dibawah sektor: Semua jawatan pengurusan, eksekutif, profesional dan teknikal yang berkaitan/ bersesuaian.
2	Kategori II (Ekspatriat)	Kelayakan:

	<p>(Gaji asas minima RM 5,000 hingga RM 9,999, dan kontrak penggajian hingga 2 tahun)</p> <p>Jawatan pengurusan/ eksekutif: contoh: Pengarah Urusan, Pengarah, Pengurus Besar, Akauntan, Pengurus Operasi, Pengurus Loji, Eksekutif, Pegawai dan lain-lain:</p> <p>Kelayakan yang ditetapkan: Ijazah Sarjana Muda (Degree) (atau lebih tinggi) dalam bidang pengajian berkaitan dan mempunyai pengalaman minima 3 tahun; atau, Diploma dalam bidang pengajian berkaitan dan mempunyai pengalaman minima 5 tahun.</p> <p>Bagi pemohon ekspatriat yang memegang kepentingan ekuiti dalam syarikat, memadai dengan maklumat kelayakan berkaitan yang diisytiharkan. Sila rujuk kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ESD.</p> <p>Jawatan Profesional dan Teknikal: Contoh: Jurutera Kanan/ Jurutera (sebarang disiplin kejuruteraan), Ahli Geologi, Juruukur, Juruteknologi/ Teknologis, Ahli Metalurgi dan lain-lain.</p> <p>Kelayakan yang ditetapkan: Ijazah Sarjana Muda (Degree) (atau lebih tinggi) dalam bidang pengajian berkaitan, seperti Kejuruteraan (bagi jawatan Jurutera), Geologi/ Geosains (bagi jawatan Ahli Geologi atau Geosaintis), Mineral/ Metalurgi/ Sains Bahan, Ukur, Sains dan Teknologi) dan mempunyai pengalaman minima 3 tahun; atau,</p> <p>Jawatan: Penolong Jurutera, Penolong Juruteknologi, Penolong Pegawai Sains, Penolong Pegawai Kimia/ Juruteknik Makmal, Juruteknik Jentera/ Mekanikal/ Loji, Penolong Juruukur dan lain-lain.</p> <p>Kelayakan yang ditetapkan: Diploma dalam bidang pengajian berkaitan dan mempunyai pengalaman minima 5 tahun.</p> <p>*Bagi jawatan profesional dan teknikal, sebarang dokumen testimoni (bagi menggantikan salinan asal dokumen kelayakan akademik) tidak akan dipertimbangkan/ ditolak.</p> <p>Bagi pemohon yang mempunyai <i>Professional Certificate</i>, sila lengkapkan maklumat dan disertakan salinan sijil profesional tersebut.</p> <p>Contoh dokumen sijil profesional:</p>
--	--

		<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil keahlian/ ahli profesional/ ahli bersekutu dengan badan/ institusi profesional/ industri berdaftar (dari Malaysia, negara asal atau yang diiktiraf diperingkat rantau/ antarabangsa) 2. Sijil keahlian/ ahli profesional/ sijil amalan profesional dari badan/ institusi pendaftar amalan profesional di Malaysia, negara asal atau diperingkat rantau/ antarabangsa. 3. Bagi jawatan profesional (Jurutera/ Jurutera Kanan/ Jurutera Profesional/ Ahli Geologi/ Ahli Geologi Profesional/ Juruukur bertauliah, Teknologis dan sebagainya – bagi permohonan pembaharuan, diwajibkan disertakan dokumen pendaftaran/ sijil perakuan amalan yang dikeluarkan oleh Badan Pendaftar Amalan Profesional Malaysia yang berkenaan.
	<p>Kategori III (<i>Knowledge/ Skilled Worker</i>)</p>	<p>Jawatan yang dibenarkan dibawah sektor: Jawatan-jawatan bagi kategori pekerjaan mahir. Contoh: Jurukimpal, Juruelektrik, Juruteknik dan lain-lain pekerjaan mahir (pelbagai latar belakang/ disiplin kemahiran) di bawah sektor ini seperti pekerja berkemahiran khas perlombongan bawah tanah dan lain-lain.</p> <p>Kelayakan: Sijil Kemahiran/ Vokasional atau setara. Sila rujuk <i>ESD Guidebook terkini</i> (V4, 2023). Jumlah pengalaman minima 7 tahun.</p> <p>*Bagi jawatan yang menghendaki kemahiran/ pengetahuan khas/ pekerjaan tertentu, majikan hendaklah memastikan maklumat terperinci pengetahuan, kemahiran dan pengalaman calon/ pemohon tersebut dinyatakan dengan jelas pada resume, deskripsi tugas dan pada bahagian Justifikasi Penggajian.</p>

Tanggungjawab Pemohon dan Syarikat Penaja/ Majikan

- a. Penilaian permohonan penggajian ekspatriat mengikut kategori, jawatan dan kelayakan akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia selaku agensi kawal selia bagi Sektor Perlombongan, Pengkuarian dan Pemrosesan Mineral bermula pada bulan Mac 2024.
- b. Bagi permohonan ekspatriat baharu, semua majikan hendaklah bertanggungjawab memastikan semua calon/ pemohon yang hendak ditawarkan penggajian mempunyai kelayakan akademik/ iktisas dalam bidang pengajian yang berkaitan dan bersesuaian, selain mengadakan semakan latar belakang pengalaman pekerjaan terdahulu dan pengesahan ketulenan kelayakan.
- c. **Mana-mana majikan yang ingin menggajikan ekspatriat bagi jawatan profesional yang tertakluk di bawah suatu perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia bagi**

menjalankan amalan profesional dan bekerja di Malaysia, hendaklah memastikan bahawa ekspatriat tersebut mempunyai kelayakan yang boleh dipertimbangkan (boleh berdaftar) sebelum memasuki Malaysia, seterusnya berdaftar dengan Badan Pendaftar Amalan Profesional tersebut untuk berkerja di Malaysia. Sila rujuk atau berhubung dengan badan-badan pendaftar amalan profesional berkenaan untuk maklumat lanjut:

- | | | |
|------|----------------------------|---|
| i. | Jurutera (semua disiplin): | Lembaga Jurutera Malaysia |
| ii. | Ahli Geologi: | Lembaga Ahli Geologi Malaysia |
| iii. | Juruukur: | Lembaga Juruukur Tanah Malaysia |
| iv. | Juruukur Bahan: | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia |
| v. | Teknologis: | Lembaga Teknologis Malaysia |
| vi. | Lain-lain: | *Sila berhubung dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk maklumat lanjut. |

- d. Majikan/ syarikat penaja hendaklah bertanggungjawab memastikan semua ekspatriat yang digajikan dengan jawatan pekerjaan professional tersebut mengemukakan permohonan mereka kepada Badan Pendaftar Amalan Profesional yang berkenaan sebaik tiba di Malaysia. Apa-apa keperluan yang dikehendaki bagi maksud tersebut hendaklah dipenuhi oleh pemohon dan jika berkenaan, pihak majikan/ syarikat penaja sepenuhnya.
- e. Majikan/ syarikat penaja yang sedia ada menggajikan ekspatriat dengan jawatan pekerjaan professional dan teknikal hendaklah bertanggungjawab memastikan semua ekspatriat tersebut berjaya didaftarkan dengan badan/ institut yang berkenaan.
- f. Bermula pada Mac 2024, mana-mana permohonan (pembaharuan) bagi jawatan-jawatan ini yang tidak berdaftar dengan badan pendaftar amalan professional tidak akan dipertimbangkan.
- g. Bagi pekerjaan kategori pengetahuan/ kemahiran dengan kelayakan minima Sijil/ Sijil Kemahiran/ Vokasional atau setara, atau pekerjaan khas yang diperaku Jabatan di bawah sektor ini (contoh: pekerja berkemahiran lombong bawah tanah dan lain-lain jawatan dengan justifikasi yang kukuh), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhak untuk mengelaskan mereka sebagai pekerja di bawah kategori ini seterusnya hendaklah tertakluk kepada suatu kebenaran, kelulusan atau dasar semasa yang berkaitan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- h. Mana-mana jawatan yang bukan dikategorikan sebagai pekerjaan mahir atau apa-apa jawatan tanpa justifikasi penggajian yang munasabah, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan tersebut melalui sistem Xpats Gateway.

B. Menu “Agency Requirement”, Justifikasi Penggajian oleh Pihak Majikan/ Syarikat Penaja

Jadual 3: Maklumat yang perlu dilengkapkan di bahagian “Agency Requirement”

Bil.	Perkara	Keterangan maklumat/ penjelasan
1	<i>Type of Operation</i>	Nyatakan atau pilih: (a) Subsektor perlombongan: “ <i>Mining</i> ”; (b) Subsektor pengkuarian: “ <i>Quarrying</i> ”; atau, (c) Subsektor pemprosesan mineral: “ <i>Mineral Premises/ Mineral Processing</i> ”
2	<i>Working location of mining/ quarry/ premise</i>	Nyatakan nama syarikat penaja/ majikan dan lokasi sebenar lombong, kuari atau premis mineral
3	<i>State</i>	Nyatakan nama negeri di mana syarikat beroperasi/ operasi perlombongan/ pengkuarian/ premis mineral atau memproses mineral dijalankan.
4	<i>Justification of hiring</i>	Jelaskan justifikasi penggajian ekspatriat/ pekerja berpengetahuan/ berkemahiran (knowledge/ skilled worker) Justifikasi penggajian ekspatriat (kategori I dan kategori II) atau pekerja berkemahiran (kategori III) wajib dinyatakan. Justifikasi tersebut hendaklah ringkas, jelas dan munasabah, serta merujuk kepada situasi spesifik keperluan pihak syarikat penaja/ majikan bagi menggajikan pemohon/ ekspatriat yang dimaksudkan.

C. Menu “Supporting Document”, dokumen-dokumen sokongan tambahan bagi pengesahan kelulusan sektor

Jadual 4: Maklumat yang perlu dilengkapkan di bahagian “Supporting Document”

Bil	Kategori maklumat	Butiran yang diperlukan	Keterangan maklumat/ penjelasan
1	Pemohon/ Ekspatriat/ Knowledge/ Skilled Worker	<i>Copy of Passport: All pages (full booklet with front & back pages)</i>	Salinan passport (berwarna lengkap) *sila rujuk <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023)
2		<i>Updated resume</i>	Resume lengkap pemohon/ ekspatriat. *sila rujuk <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023) Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhak untuk tidak menyokong/ memberi pertimbangan sebarang permohonan yang didapati meragukan.
3		<i>Copy of highest educational certificates (certified true copy)</i>	Sila rujuk Jadual 1 dan Jadual 2. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhak untuk tidak menyokong/ memberi pertimbangan sebarang permohonan yang disertakan dengan maklumat yang tidak lengkap atau meragukan.
4		<i>Original employment contract (with LHDN stamping)</i>	
5		<i>Job description</i>	
6	Syarikat Penaja/ Majikan	<i>Proof of MYFutureJobs PERKESO Advertisement</i>	Dokumen <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023) menghendaki kelulusan ini diperoleh terlebih dahulu daripada pihak MYFutureJobs PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
7		<i>Approval from Director General of Department of Labour of Peninsular Malaysia Malaysia (for new hiring only)*</i>	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhak untuk tidak menyokong permohonan yang dikemukakan tanpa kelulusan-kelulusan ini. *bagi permohonan baharu sahaja.
8		<i>Certificate of Registration</i>	Berdasarkan <i>ESD Guidebook</i> terkini (V4, 2023), Certificate of Registration merujuk kepada Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan kepada suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah <i>the Societies Act 1976</i> atau <i>Sport Development Act 1997</i> .

			Bagi syarikat persendirian berhad atau pertubuhan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, boleh disertakan/ memuat naik dokumen <i>Form 9</i> , Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian atau <i>Certificate of Incorporation</i> sebagai maklumat tambahan kepada dokumen eSSM yang disertakan, jika diperlukan atau dikehendaki.
9		<i>Organization Chart</i>	Carta organisasi syarikat penaja/ majikan – carta yang disertakan hendaklah jelas menunjukkan jawatan dan kedudukan di mana pemohon/ ekspatriat akan ditempatkan. Nama pemohon/ ekspatriat yang dimaksudkan disarankan dinyatakan.
10		<i>Other Documents</i>	Lain-lain dokumen
11	Maklumat kelulusan <i>Mining Sector</i> *bagi aktiviti perlombongan	<i>Copy of Mining Lease or Mining Licence</i>	Salinan dokumen Pajak Melombong (ML), Lesen Melombong Tuan Punya (PML) atau Sijil Melombong (MC) yang lengkap, termasuk lampiran-lampiran berkaitan (syarat-syarat pajak/ lesen, dan dokumen pengesahan pembaharuan tempoh pajak/ lesen, jika berkenaan) *Dokumen kelulusan ini dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Tanah dan Survei atau Jabatan Tanah dan Ukur Negeri).
12		<i>Copy of Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong</i>	Salinan dokumen Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) yang dikeluarkan oleh pejabat JMG negeri bagi operasi perlombongan yang dimaksudkan. *Sekiranya syarikat penaja/ majikan bukan pemegang lesen ML/ PML dan/ atau bukan penggerak/ operator utama projek yang disebutkan nama syarikatnya pada SKSPM, syarikat penaja/ majikan hendaklah menyertakan suatu dokumen pengesahan keterlibatan pihaknya bagi aktiviti perlombongan tersebut, seperti dokumen kontrak perjanjian, surat kuasa atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan.

13	Maklumat kelulusan <i>Quarry Sector</i> *bagi aktiviti pengkuarian	<i>Licence (Lesen Kecil)</i>	Surat kelulusan/ lesen/ pajakan kuari/ permit kuari yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Tanah dan Survei, Pejabat Daerah dan Tanah; atau, Permit Kecil/ Lesen Kecil Hutan – Jika kuari dalam kawasan di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri.
14		<i>Copy of JMG Support Letter for Explosion</i>	Surat Kelulusan Skim Kuari (SKSK), Lesen Kuari, Lesen Operasi Kuari (bagi negeri yang mempunyai Kaedah-Kaedah Kuari) atau Surat Ulasan Teknikal bagi penggunaan bahan letupan yang dikeluarkan oleh JMG (bagi negeri yang tidak/ belum dikuatkuasakan Kaedah-Kaedah Kuari).
15	Maklumat kelulusan <i>Mineral premises/ Mineral Processing</i>	<i>Copy of mineral license</i>	Lesen Mineral (lengkap berserta lampiran berkaitan – syarat-syarat lesen) yang dikeluarkan oleh JMG bagi Premis Mineral atau Premis Menyimpan Mineral; atau,
16		<i>Copy of mineral processing license</i>	Lesen Memproses Mineral (lengkap berserta lampiran berkaitan – syarat-syarat lesen) yang dikeluarkan oleh JMG bagi Premis Memproses Mineral.

Pertanyaan dan Maklumat Lanjut

Pemohon atau majikan/ syarikat penaja yang mempunyai sebarang persoalan atau memerlukan bantuan lanjut mengenai keperluan agensi kawal selia/ Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (maklumat dan dokumen-dokumen berkaitan) bagi Sektor Perlombongan, Pengkuarian dan Pemprosesan Mineral, boleh berhubung dengan -

Unit Tekno Ekonomi, Cawangan Ekonomi Mineral,
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Aras 8, Menara PJH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 2, Putrajaya

No. Telefon: 03-8871 6000